

17 JAN 2003

Nik Aziz-Rombakan

PAS TIDAK GENTAR ROMBAKAN KEPIMPINAN UMNO KELANTAN

KOTA BAHARU, 17 Jan (Bernama) -- Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata Pas tidak gentar dengan rombakan Jawatankuasa Badan Perhubungan Umno Kelantan sebagai strategi untuk menawan semula Kelantan pada pilihan raya umum kelak.

Beliau berkata ini adalah kerana Pas dan Umno mempunyai perjuangan politik yang berbeza.

"Pas memperjuangkan al-Quran dan Hadis dan Umno memperjuangkan nasionalis," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Nik Aziz, yang juga Mursyidul Am Pas mengulas rombakan besar-besaran Jawatankuasa Badan Perhubungan Umno Kelantan yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada akhir lawatan kerja dua harinya ke Kelantan semalam.

Dr Mahathir, selaku Presiden Umno, menamakan peguam terkemuka Zaid Ibrahim, yang juga Ketua Umno bahagian Kota Baharu sebagai Timbalan Pengerusi badan perhubungan itu, untuk mengambil alih tempat Datuk Annuar Musa (Ketua Umno bahagian Peringat) dan mengekalkan Datuk Mustapa Mohamed sebagai Pengerusinya.

Turut dilantik ialah Timbalan Ketua Umno bahagian Bachok dan Pengerusi Tenaga Nasional Datuk Dr Awang Adek Hussin, yang menggantikan Datuk Dr Nik Hussain Abdul Rahman sebagai Bendahari, Timbalan Ketua bahagian Tumpat Nawawi Jusoh yang menggantikan Tuan Mohd Hashim Tuan Yaakob (Ketua bahagian Kubang Kerian) sebagai Setiausaha Perhubungan dan Timbalan Ketua bahagian Peringat Che Alwi Che Ahmad mengambil alih sebagai Ketua Penerangan daripada Datuk Ismail Mamat (Ketua bahagian Machang).

Nik Aziz berkata apa pun yang berlaku dalam Umno tidak akan memberi kesan kepada Pas kerana rakyat Kelantan memilih Pas berdasarkan perjuangan mengikut kehendak Islam.

"Rakyat Kelantan tahu Pas miskin tetapi mereka tetap memilih juga kerana perjuangan Pas adalah benar dengan kehendak Islam," katanya.

Katanya strategi yang dilakukan oleh Umno itu kerana parti itu merasa bimbang kejayaan Pas membangunkan Kelantan termasuk membina jalan-jalan raya yang sempurna, bangunan-bangunan sekolah baru dan membangun bandar Kota Baharu dengan pesat.

Katanya ini menyebabkan tiada ruang dan alasan kepada Umno untuk merampas semula Kelantan.

-- BERNAMA

WM BD ROS